



Terma Pemilihan Sabatikal Antartika Airbnb

Kali terakhir dikemas kini: 24 September 2019

TIADA PEMBELIAN ATAU BAYARAN DIPERLUKAN UNTUK MEMOHON. PEMBELIAN ATAU BAYARAN TIDAK AKAN MENINGKATKAN KEMUNGKINAN ANDA DIPILIH UNTUK PROGRAM INI. INI IALAH PROGRAM SUKARELAWAN TANPA GANJARAN. PROGRAM SABATIKAL INI BUKAN PERCUBAAN UNTUK TUJUAN MENDAPATKAN PEKERJAAN DENGAN AIRBNB.

Apabila anda menghantar permohonan untuk Sabatikal ini, anda dianggap bersetuju dengan terma-terma ini untuk Pemilihan ("**Terma Pemilihan**"). Sila rujuk bahagian "Tafsiran dan Pertikaian" di bawah untuk maklumat mengenai undang-undang dan bidang kuasa terpakai yang mengawal Terma Pemilihan ini. Jika kami menyediakan terjemahan untuk Terma Pemilihan ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai jika terdapat apa-apa yang tidak konsisten.

"**Airbnb**" bermaksud penaja dan penganjur Pemilihan ini. Untuk yang berkaitan dengan perlindungan data, entiti Airbnb untuk tujuan Peraturan Rasmi ini akan berdasarkan Negara/Rantau Tempat Tinggal anda:

- Jika Negara/Rantau Tempat Tinggal anda adalah Amerika Syarikat, anda berkontrak dengan Airbnb, Inc., 888 Brannan Street, 4th floor, San Francisco, CA 94103, United States.
- Jika Negara/Rantau Tempat Tinggal anda adalah Republik Rakyat China (untuk tujuan Terma Pemilihan ini, ia tidak termasuk Hong Kong, Macau dan Taiwan) (selepas ini dirujuk sebagai "**China**"), anda berkontrak dengan Airbnb Internet (Beijing) Co., Ltd. ("**Airbnb China**").
- Jika Negara/Rantau Tempat Tinggal anda adalah Jepun, anda berkontrak dengan Airbnb Global Services Limited ("**Airbnb GSL**").
- Jika Negara/Rantau Tempat Tinggal anda berada di luar Amerika Syarikat, China dan Jepun, anda berkontrak dengan Airbnb Ireland UC ("**Airbnb Ireland**"), Watermarque Building, South Lotts Road, Ringsend, Dublin 4, Ireland.

Airbnb juga dirujuk di sini sebagai "**Kami**".

"**Negara/Rantau Tempat Tinggal**" ditentukan oleh pemilihan anda yang dinyatakan dengan jelas dalam Permohonan anda, yang boleh disahkan oleh Airbnb, atau oleh penilaian tempat tinggal anda oleh Airbnb dengan menggunakan pelbagai atribut data yang dikaitkan dengan pelayar atau alamat IP anda. Jika anda menukar Negara/Rantau Tempat Tinggal anda, syarikat Airbnb yang berkontrak dengan anda akan ditentukan oleh Negara/ Rantau Tempat Tinggal baharu anda seperti yang dinyatakan di atas, dari tarikh Negara/ Rantau Tempat Tinggal anda berubah.

Program Sabatikal



Program ini akan melibatkan pengalaman hidup seorang Warga Saintis yang menjalankan penyelidikan di Antartika selama satu (1) bulan dari 18 November hingga 16 Disember 2019 (+/- 2 hari) ("Sabatikal"). Khususnya, Peserta akan:

1. mengembara ke Chile dan Antartika semasa Sabatikal dan kekal di lokasi yang dijadualkan sepanjang tempohnya;
2. menjalankan aktiviti sukarela sepanjang tempoh Sabatikal, dalam menyokong penyelidikan saintifik sebenar tentang kesan terhadap alam sekitar yang disebabkan oleh manusia, bekerja sebagai pasukan untuk mengumpul dan menganalisis sampel teras salji untuk mengetahui sama ada mikroplastik telah menyusupi kawasan pedalaman benua;
3. mengikuti latihan secara fizikal dan mental selama 2 minggu, supaya anda bersedia untuk menjalankan penyelidikan dalam persekitaran yang mencabar ;
4. luangkan masa 1 minggu bekerjasama rapat dengan pasukan anda, mengumpul sampel untuk dikaji di makmal, dan membina penyelidikan anda untuk menentukan sama ada mikroplastik terdapat di kawasan pedalaman Antartika;
5. luangkan 1 minggu dengan pasukan anda, bekerja untuk memperoleh hasil penyelidikan; dan
6. disediakan makanan atau keperluan hidup asas lain, termasuk makanan dan penginapan di Chile dan Antartika.

Perjalanan setiap Peserta ke dan dari Chile (iaitu perjalanan dari lapangan terbang terdekat dari tempat tinggal biasa Peserta pada permulaan Sabatikal, dan kembali ke lapangan terbang tersebut pada penghujung Sabatikal) dan penginapan semasa Sabatikal akan diatur dan disediakan oleh Airbnb melalui penyedia yang dipilih oleh Kami.

Hanya Peserta yang akan layak mengambil bahagian dalam Sabatikal, tertakluk kepada pematuhan Terma Pemilihan ini. Penggantian atau pemindahan untuk tujuan pengambil bahagian dalam Sabatikal ini tidak dibenarkan, melainkan keputusan tersebut ditentukan oleh Kami berkenaan dengan Peserta Simpanan. Keadaan yang tidak terduga atau keadaan yang berubah yang menjejaskan keupayaan atau kesedia-adaan Peserta untuk mengambil bahagian dalam Sabatikal tidak memberi hak kepada Peserta tersebut untuk mendapatkan sebarang pampasan, peluang alternatif, atau pembayaran tunai.

Pemilihan

Matlamat Pemilihan adalah untuk mengenal pasti lima (5) orang ("**Peserta**") yang akan mengambil bahagian dalam Sabatikal.

Individu yang layak ("**Pemohon**"/"**anda**"), yang mematuhi syarat-syarat kelayakan yang disediakan di bawah pada setiap masa, boleh membuat permohonan kepada Pemilihan dari 12: 00 pagi (EDT) pada 24 September 2019 sehingga 11: 59 petang EDT pada 8 Oktober 2019 dengan mengikuti proses yang dinyatakan di bawah.



Permohonan mesti diterima selewat-lewatnya pada masa penutupan Pemilihan untuk layak dipilih. Permohonan yang diterima selepas 11: 59 malam EDT pada 8 Oktober 2019 tidak akan dipertimbangkan dan akan disingkirkan secara automatik.

Kelayakan

Pemilihan dibuka kepada pemastautin yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun, daripada negara/rantau berikut sahaja: Argentina, Austria, Australia, Belgium, Brazil, Kanada, Chile, China, Denmark, Dubai, Perancis, Jerman, Hong Kong, Ireland, India, Itali, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, Belanda, New Zealand, Norway, Portugal, Rusia, Singapura, Afrika Selatan, Sepanyol, Sweden, Switzerland, Taiwan, Thailand, UK dan AS. **Jika anda bukan pemastautin salah satu negara/rantau yang dinyatakan di atas, anda tidak layak untuk memohon atau menyertai Pemilihan.**

Pemohon yang berusia 18 tahun atau lebih tetapi masih di bawah umur majoriti di Negara/Rantau Tempat Tinggal mereka mesti mendapat kebenaran ibu bapa/penjaga sah mereka, serta persetujuan individu tersebut terhadap Terma Pemilihan ini, untuk layak untuk menyertai Pemilihan ini.

Selain itu, untuk manjadi layak bagi Pemilihan, Pemohon mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Memegang pasport yang akan kekal sah sehingga enam (6) bulan selepas Sabatikal berakhir;
2. Memegang atau berhak mendapat visa atau kebenaran lain yang diperlukan untuk kekal di Chile dan Antartika selama satu (1) bulan sepanjang tempoh Sabatikal, termasuk sebarang permit perjalanan atau permit lain yang mungkin diperlukan untuk menjalankan aktiviti sukarelawan semasa Sabatikal;
3. Boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya pada tahap pertengahan (perbualan);
4. Tersedia dan bersedia untuk mengembara untuk tempoh Sabatikal yang dijadualkan dari 18 November hingga 16 Disember 2019, termasuk tambahan dua (2) hari selepas tempoh Sabatikal yang dijadualkan sebagai persediaan sekiranya berlaku perkara di luar kawalan yang munasabah (contohnya, cuaca);
5. Memiliki tahap kecergasan fizikal yang mencukupi untuk mengambil bahagian dalam perjalanan Sabatikal dan antarabangsa secara umumnya; dan
6. Memiliki tahap kecergasan fizikal, perubatan dan psikologi yang mencukupi yang akan ditentukan oleh pakar perubatan berdasarkan bahan permohonan anda, untuk mengambil bahagian dalam perjalanan yang menawarkan pengembaraan yang lebih mencabar, seperti aktiviti pada altitud tinggi (11,000 kaki / 3350m), berjalan sehingga ketinggian beberapa batu/kilometer di atas salji dan ais yang tidak rata, menginap di kem lapangan terpencil, atau suhu ekstrem (-40°F / -40°C). Harap maklum bahawa disebabkan oleh sifat perjalanan ini, individu yang memerlukan penggunaan makmal atau pengimejan perubatan secara kerap disebabkan rawatan perubatan yang berterusan, mereka yang menggunakan antikoagulan, dan mereka yang



mempunyai sejarah tindak balas alergi yang teruk (contohnya, anafilaksis) **tidak** layak.

Pengarah, pegawai, pekerja, kontraktor bebas, pengiklan dan ejen Rakan Kongsi dan Airbnb, atau anak syarikat atau syarikat gabungan mereka (secara kolektif, "**Pihak yang Dilepaskan**"), dan ahli-ahli keluarga atau isi rumah terdekat mereka (termasuk tanpa had suami/isteri, pasangan, rakan serumah, kanak-kanak, ibu bapa, saudara kandung, datuk nenek dan cucu), adalah tidak layak.

Untuk mengambil bahagian dalam Sabatikal, Peserta mesti menandatangani perjanjian sukarelawan dengan Airbnb di bawah undang-undang Ireland dan mengemukakan, sebelum Sabatikal bermula, bukti perlindungan insurans yang sah dan memadai dengan syarikat insurans utama sepanjang tempoh Sabatikal, termasuk transit, yang meliputi liabiliti pihak ketiga dan penyakit atau kecederaan yang dialami semasa Sabatikal, yang kecukupannya akan ditentukan oleh Kami mengikut budi bicara Kami. Dengan mengemukakan Permohonan, anda mengakui bahawa Calon Temu Duga juga akan dikehendaki untuk mengemukakan bukti kecergasan perubatan untuk mengambil bahagian kepada rakan kongsi logistik Kami, iaitu Antarctic Logistics & Expeditions LLC ("**ALE**"), yang perlu mengesahkan kecergasan anda untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang akan mereka sediakan.

Cara untuk memohon

Untuk memohon untuk Pemilihan bagi mengambil bahagian dalam Sabatikal, anda perlu:

1. Lawati halaman <http://airbnb.com/sabbatical> ("**Laman Web**");
2. Klik butang "Apply now";
3. Terima Terma Pemilihan ini dan Dasar Privasi yang tersedia di Laman Web ini;
4. Lengkapkan dan hantar borang permohonan dengan memberikan semua butiran peribadi dan butiran kenalan yang diperlukan dan menjawab semua soalan wajib dalam Bahasa Inggeris ("**Permohonan**");
5. Jika dipilih sebagai Calon Temu Duga, hadir sekurang-kurangnya satu atau lebih temuduga telefon atau persidangan video mengenai Sabatikal dan motivasi anda untuk memohon dan memberikan, atas permintaan, maklumat lanjut tentang diri anda, termasuk sijil kesihatan jika diperlukan disebabkan oleh sifat Sabatikal tertentu yang anda pohon.

Setiap Pemohon hanya boleh memohon sekali dan anda mengesahkan bahawa anda berumur sekurang-kurangnya 18 tahun pada masa anda memasuki dan tinggal di Negara/Rantau Tempat Tinggal yang dinyatakan oleh anda dalam Permohonan anda. Dengan memohon, anda bersetuju bahawa Peserta akan dipilih daripada semua Permohonan lengkap yang diterima daripada Pemohon yang layak. Pemohon mengakui bahawa, jika dipilih, penyertaan anda dalam Sabbatical adalah secara individu. Oleh itu, anak-anak atau tanggungan Peserta tidak akan dibenarkan hadir. Pasangan yang ingin menyertai Sabatikal secara bersama, mesti mengemukakan Permohonan secara berasingan yang menunjukkan bahawa mereka ingin turut serta



dengan pasangan masing-masing. Dalam kes ini, setiap Pemohon tersebut akan dikehendaki untuk menepati kriteria kelayakan dan mematuhi peruntukan Terma Pemilihan ini. Kami tidak memberikan sebarang jaminan bahawa kedua-dua pasangan akan ditawarkan tempat dalam Sabatikal.

Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak yang Dilepaskan tidak bertanggungjawab untuk (i) masalah komputer atau rangkaian, masalah dengan pelayan, masalah dengan akaun e-mel; (ii) kegagalan menerima mana-mana Permohonan atas sebarang sebab di luar kawalan yang munasabah; atau (iii) untuk sebarang ralat lain yang berkaitan dengan Pemilihan, sama ada mekanikal, teknikal, rangkaian, pencetakan, tipografi, manusia, atau sebaliknya, termasuk ralat pentadbiran atau masalah yang menjejaskan pentadbiran Pemilihan, pemprosesan atau penyemakan penyertaan, pengumuman Peserta, atau dalam mana-mana bahan yang berkaitan dengan Pemilihan.

Pemilihan Peserta

Seramai lima puluh (50) Pemohon akan dipilih daripada Permohonan ("**Calon Yang Ditemu Duga**") dan dijemput ke satu atau lebih pusingan temuduga telefon atau persidangan video individu dengan satu atau lebih ahli Jawatankuasa Pemilihan. Lima (5) daripada Calon Yang Ditemu Duga akhirnya akan dipilih sebagai Peserta untuk menyertai Sabatikal. Lima (5) Pemohon yang lain akan dipilih daripada Calon Yang Ditemu Duga ("**Calon Simpanan**"), yang mungkin ditawarkan tempat dalam Sabatikal sekiranya mana-mana Peserta memutuskan untuk tidak menyertai atau tidak berada dalam situasi yang membolehkannya untuk berbuat demikian, dalam keadaan sebegini ini, Calon Simpanan yang dipilih akan menjadi Peserta dan dikehendaki untuk memenuhi semua syarat kelayakan dan memenuhi semua kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas Peserta.

Permohonan akan disemak dan Calon Yang Ditemu Duga akan dipilih sepenuhnya berdasarkan merit, berasaskan kriteria kemahiran yang dinyatakan di bawah:

- 30 peratus (30%) menunjukkan semangat terhadap subjek, minat yang tulus dalam potensi saintifik atau kemampuan Sabatikal dan keupayaan untuk menyumbang kepada misi Sabatikal, projeknya dan kegiatannya;
- 30 peratus (30%) menunjukkan kreativiti dan keperibadian dalam jawapan bertulis kepada soalan kelayakan, lucu dan kemampuan bercerita adalah bonus;
- 20 peratus (20%) semangat untuk berkongsi pengalaman dan penemuan ekspedisi dengan orang lain selepas Sabatikal, seperti yang ditunjukkan dalam kesediaan, kesenangan dan keupayaan untuk terlibat dalam dialog dengan khalayak yang pelbagai dan mendidik orang lain mengenai topik yang rumit dalam masa depan.

Peserta akan dipilih daripada Calon Yang Ditemu Duga selepas temuduga telefon atau persidangan video, berdasarkan kriteria tambahan dan kumulatif berikut:



- Sepuluh peratus (10%) menunjukkan keseronokan aktiviti luar, keupayaan dan kecergasan untuk hidup dalam iklim yang mencabar selama sebulan, keupayaan untuk bekerjasama rapat dengan orang lain; dan
- Sepuluh peratus (10%) menunjukkan minat terhadap subjek penyelidikan ini, minat sebenar dalam potensi saintifik atau kemampunan Sabatikal, dan keupayaan untuk menyumbang kepada misi Sabatikal dan projeknya serta aktiviti.

Peserta akan dipilih daripada senarai Calon Yang Ditemu Duga yang disediakan berdasarkan maklum balas jawatankuasa yang terdiri daripada (5) ahli ("**Jawatankuasa Pemilihan**"):

- Seorang pakar dalam sains Antartika;
- Seorang ahli ALE;
- Seorang ahli organisasi industri;
- Seorang ahli pasukan Airbnb; dan
- Seorang ahli bebas.

Keputusan Ahli Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad dan mengikat. Jika Permohonan yang dihantar oleh Pemohon yang berbeza mempunyai persamaan yang substantial, Ahli Jawatankuasa Pemilihan hanya akan memilih versi terbaik idea tersebut, seperti yang ditentukan mengikut budi bicara mereka. Kecuali dilarang oleh undang-undang, jika menurut pendapat Jawatankuasa Pemilihan tiada permohonan yang sesuai diterima, jika bilangan Peserta atau Calon Simpanan yang boleh dihubungi tidak mencukupi, atau jika orang sedemikian tidak memberikan jawapan mengikut Terma Pemilihan ini, maka Kami boleh membatalkan, melanjutkan atau mengulangi Pemilihan mengikut budi bicara Kami. Untuk mengelakkan keraguan, ini bukan pertandingan. Nasib atau kebetulan tidak memainkan peranan langsung dalam Pemilihan.

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Kami boleh, mengikut budi bicara kami, menjalankan pemeriksaan pengesahan maklumat dan latar belakang yang anda berikan kepada kami, dan sebarang unsur lain yang Kami anggap relevan kepada permohonan anda kepada Pemilihan dan/atau penyertaan dalam Sabatikal. Dengan memohon untuk Pemilihan, Pemohon mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya dipilih sebagai Calon yang Ditemu Duga, mereka mungkin dikehendaki memberikan maklumat lanjut tentang diri mereka, contohnya:

- pengesahan bertulis atau bukti kelayakan, termasuk bukti pasport yang sah, Negara/Rantau Tempat Tinggal, dan umur semasa;
- kebenaran perjalanan untuk kekal di Chile dan Antartika dan sebarang permit lain yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti sukarelawan semasa Sabatikal;
- ketiadaan sebarang kewajipan kontrak atau berkanun yang menyekat atau melarang sukarelawan semasa Sabatikal;
- tiada sebarang kewajipan kontrak yang menyekat atau melarang kebolehan untuk muncul dalam isi kandungan media dan pemasaran semasa atau selepas Sabatikal;



- menjalani pemeriksaan kesihatan atau memberikan sijil kesihatan umum yang baik, mengikut kesesuaian dengan aktiviti yang berkaitan;
- sama ada mereka mempunyai lesen memandu dan butiran berkaitan (tarikh tamat tempoh, pihak berkuasa yang mengeluarkannya, negara/kenderaan yang lesen tersebut sah digunakan, dan lain-lain).

Pemberitahuan/Pengumuman Peserta

Peserta dan Calon Simpanan akan dipilih selewat-lewatnya pada 22 Oktober 2019 dan akan dimaklumkan dalam tempoh satu (1) hari kalendar selepas pemilihan, melalui e-mel ke alamat yang dinyatakan dalam Permohonan mereka. Untuk mengambil serta dalam Sabatikal, setiap Peserta mesti menerima tempat mereka dalam Sabatikal dalam tempoh satu (1) hari kalendar selepas tarikh e-mel pemberitahuan dihantar kepada Peserta dengan menghantar e-mel penerimaan tempat dan kewajipan serta tanggungjawab dalam Terma Pemilihan ini kepada sabbatical@airbnb.com dan, dalam tempoh dua (2) hari kalendar selepas menerima tempat dalam Sabatikal, Peserta juga mesti:

1. memberikan bukti sahih kelayakan untuk mendapatkan kebenaran perjalanan untuk melawati, kekal di Chile dan Antartika, dan menjalankan aktiviti sukarelawan sepanjang tempoh Sabatikal;
2. melengkapkan borang dan dokumen perubatan dalam bahasa Inggeris yang diperlukan oleh ALE, dengan maklumat yang memenuhi kehendak pakar perubatan untuk menentukan kecergasan dan keupayaan anda untuk menjalankan bahagian Antartika dalam Sabatikal; dan
3. menandatangani dan mengembalikan borang pelepasan dalam bahasa Inggeris dan pengetepian seperti yang diperlukan oleh Terma Pemilihan ini, melainkan garis masa untuk syarat ini dilanjutkan mengikut budi bicara Kami.

Kegagalan untuk mematuhi terma dan garis masa mandatori ini boleh mengakibatkan, mengikut budi bicara Kami, anda hilang kelayakan daripada Pemilihan dan pemilihan Calon Simpanan bagi jawatan tersebut. Kami mungkin mengumumkan nama dan/atau Negara/Rantau Tempat Tinggal Peserta dalam masa tiga puluh (30) hari selepas penutupan Pemilihan, termasuk melalui saluran media sosial seperti Twitter (@airbnb) dan Facebook. Pengumuman ini mungkin merangkumi rakaman temuduga anda atau pemberitahuan bahawa anda telah ditawarkan jawatan sukarelawan.

Anda telah membuat dan akan membuat kenyataan dan jaminan tertentu kepada Kami dalam permohonan kepada Pemilihan untuk Sabatikal, yang ketepatan dan kebenarannya Kami bergantung kepada dalam menguruskan Pemilihan. Sekiranya Kami menyedari bahawa sebarang penipuan, tipu daya atau tindakan serupa telah dilakukan yang berkaitan dengan Pemilihan atau sebaliknya, atau sebarang tindakan atau ketinggalan yang Kami anggap mungkin memberi kesan buruk kepada Pemilihan atau reputasi Kami, Kami berhak atas budi bicara mutlak Kami, tanpa notis kepada anda dan/atau tanpa memberikan alasan, untuk (i) membatalkan kelayakan Permohonan anda daripada Pemilihan; atau (ii) menamatkan penyertaan anda dalam Sabatikal.



Kandungan Yang Dilarang

Permohonan atau kandungan yang diserahkan sebagai sebahagian daripada Pemilihan mesti hasil kerja anda yang asli, tidak boleh disiarkan sebelum ini, dan tidak boleh melanggar hak mana-mana pihak lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak harta intelek atau hak privasi, publisiti atau hak moral yang lain. Permohonan **tidak** boleh mengandungi: (i) sokongan atau promosi aktiviti yang menyalahi undang-undang atau berbahaya; (ii) unsur keganasan, tidak senonoh, kasar, lucah, fitnah atau bahan yang menimbulkan kebencian; (iii) bahan dewasa; atau (iv) kandungan berunsur fitnah. Kami berhak untuk menyingkirkan mana-mana Pemohon yang melanggar larangan ini atau mana-mana peruntukan lain Terma Pemilihan ini, atau Permohonan yang Kami anggap tidak sesuai atas sebarang sebab, mengikut budi bicara mutlak Kami.

Lesen

Dengan mengemukakan Permohonan, anda memberikan kepada Kami lesen yang tidak eksklusif secara kekal (atau untuk tempoh perlindungan yang diberikan kepada hak harta intelek yang berkaitan), di seluruh dunia, tidak boleh dibatalkan, lesen tanpa royalti untuk mengubah, mengedit, mengubah suai, menghasilkan semula, mengedar, menghantar, menerbitkan, menyampaikan kepada orang ramai, menyiarkan, melakukan, memaparkan, atau menggunakan Permohonan, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan atau tanpa pengubahsuaian, dalam apa jua bentuk atau media (termasuk: internet, mana-mana media cetakan yang diedarkan melalui akhbar, penyiaran bil, pengiklanan titik jualan, risalah, dll.), sama ada wujud sekarang atau dibangunkan kemudian, untuk sebarang tujuan, termasuk hiburan, promosi dan/atau pengiklanan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, anda bersetuju untuk mengetepikan dan tidak menegaskan atau menggunakan sebarang bentuk hak moral yang berkaitan dengan Permohonan anda (termasuk hak untuk dikenal pasti sebagai pencipta kerja dan hak untuk membantah cara hasil kerja ditangani dengan cara yang menimbulkan fitnah). Untuk mengelakkan keraguan, lesen yang dirujuk dalam perenggan ini ialah lesen yang dibayar sepenuhnya. Dengan menyertai, anda memberi jaminan kepada Kami bahawa Permohonan anda adalah asli seperti yang dirujuk di atas, dan bahawa anda mempunyai semua hak yang diperlukan untuk menyediakan Permohonan dan untuk memberikan kepada setiap orang daripada Kami hak yang dinyatakan dalam Terma Pemilihan ini, serta telah mendapat persetujuan daripada setiap orang yang dikenal pasti, digambarkan atau dirujuk dalam Permohonan anda. Jika tidak melanggar undang-undang dalam bidang kuasa anda, anda akan menanggung rugi dan tidak akan mempertanggungjawabkan ke atas mana-mana antara Kami sekiranya berlaku sebarang pelanggaran peruntukan ini.

Kebenaran dan Pelepasan

Dengan memohon untuk Pemilihan, anda bersetuju bahawa jika dipilih untuk turut serta, anda tidak diwajibkan daripada segi undang-undang atau fizikal untuk menyertai Sabatikal (iaitu penyertaan adalah secara sukarela); anda mungkin akan



dihubungi oleh Kami, ejen kami, atau rakan kongsi Sabatikal kami atas urusan yang berkaitan dengan Pemilihan dan/atau Sabatikal; anda bersetuju untuk mengemukakan dokumen yang diminta secara munasabah untuk menyokong Permohonan anda, termasuk borang pelepasan dan borang persetujuan yang ditandatangani serta dokumen yang berkaitan dengan kelayakan dan pemeriksaan perubatan seperti yang diperlukan oleh Airbnb atau ALE; anda memberi kepada Kami hak untuk memproses data peribadi anda mengikut Dasar Privasi dan mana-mana terma privasi tambahan yang terpakai kepada Sabatikal yang anda mohon; anda bersetuju untuk menyertai mana-mana publisiti yang berlaku akibat daripada Pemilihan dan/atau Sabatikal; dan anda bersetuju untuk difilemkan, diambil gambar dan dirakamkan (termasuk suara, imej, persamaan, persembahan anda, dan lain-lain) semasa Pemilihan dan Sabatikal, termasuk kenyataan tentang Pemilihan, Sabatikal, aktiviti, pengalaman dan pendapat Kami dan Peserta, dan bahawa Kami boleh menggunakan rakaman sedemikian untuk sebarang dan semua tujuan promosi dan lain dalam mana-mana dan semua media di seluruh dunia secara kekal – Peserta tidak akan ada hak ke atas bahan sedemikian.

Peserta merepresentasi bahawa mereka akan berkelakuan sebagai warga yang baik dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan semasa Sabatikal, termasuk semasa perjalanan ke dan dari Chile, bahawa mereka akan bekerjasama dengan Airbnb, pasukan logistik Sabatikal, dan penasihat saintifik dan penyelidikan semasa Sabatikal, dan bahawa mereka akan berada dan kekal di sana sepanjang Sabatikal. Peserta bersetuju bahawa mereka melalui perbuatan atau peninggalan, tidak akan melakukan sebarang perkara yang boleh menjejaskan reputasi Airbnb atau rakan kongsinya. Peserta mengakui bahawa pelanggaran representasi ini boleh mengakibatkan penyertaan mereka dalam Sabatikal ditamatkan dengan serta-merta.

Kesihatan dan Keselamatan

Permohonan kepada Pemilihan dan/atau penyertaan dalam Sabatikal adalah atas risiko setiap Peserta sendiri, dan Peserta bertanggungjawab ke atas kesihatan dan keselamatan mereka sendiri. Dengan memasuki Pemilihan, Pemohon mengesahkan bahawa mereka dalam keadaan kesihatan yang cukup memuaskan untuk mengambil bahagian dalam Sabatikal dan menjalankan aktiviti yang dinyatakan di bahagian “Sabatikal” di atas.

Pelepasan Liabiliti Am

Kecuali yang mungkin dikehendaki oleh mana-mana undang-undang mandatori yang berkenaan, program Sabatikal adalah seperti yang dirujuk dalam Terma Pemilihan ini dan disediakan seadanya tanpa waranti, syarat atau jaminan, tersurat atau tersirat, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. Pemilihan ini mungkin tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan mandatori, termasuk undang-undang cukai. Setiap peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang cukai atau sumbangan sosial yang berkenaan atau yang terhasil daripada penyertaan mereka dalam Sabatikal, dan Kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang cukai atau caruman sosial berkaitan yang mungkin perlu dibayar.



Sebelum penerimaan ke dalam Sabatikal, Pemohon akan dikehendaki untuk melaksanakan perjanjian untuk mengesahkan penerimaan Terma Pemilihan dan menanggung rugi Kami dan mengetepikan liabiliti Kami yang berkaitan dengan Sabatikal. Kami mungkin mewajibkan Peserta menandatangani dan mengembalikan pengisytiharan atau affidavit kelayakan (ditetapkan mengikut budi bicara Kami), pelepasan liabiliti dan pelepasan publisiti yang membenarkan Kami menggunakan nama, imej dan Permohonan mereka dalam bahan promosi, jika dibenarkan oleh undang-undang. Penolakan atau ketidakupayaan untuk menandatangani dan mengembalikan sebarang pengisytiharan yang diminta, affidavit atau dokumen lain yang dirujuk dalam Terma Pemilihan ini dalam tempoh dua (2) hari kalendar selepas penerimaan boleh mengakibatkan Peserta kehilangan kelayakan dan pemilihan Peserta alternatif.

Dengan memasuki Pemilihan, Pemohon melepaskan Pihak Yang Dilepaskan daripada sebarang liabiliti, atas sebarang teori, dan mengetepikan, setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, semua tuntutan dan kausa tindakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Pemilihan, pentadbirannya dan/atau penyertaan dalam Sabatikal (termasuk sebarang perjalanan atau aktiviti yang berkaitan dengannya). Namun, tidak ada apa dalam Terma Pemilihan ini yang membataskan atau mengecualikan sebarang liabiliti mana-mana orang atau entiti atas kematian atau kecederaan diri yang disebabkan oleh kecuaiannya mereka, atau penipuan, atau mana-mana liabiliti lain yang mungkin tidak terhad mengikut undang-undang.

Berkaitan dengan Pemohon yang biasanya tinggal di Jerman, Austria dan Belgium, Pelepasan Liabiliti Am berikut terpakai, bukan perenggan di atas: Dengan memasuki Pemilihan ini, Pemohon melepaskan Pihak Yang Dilepaskan daripada sebarang liabiliti, atas sebarang teori, dan mengetepikan semua tuntutan dan kausa tindakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Pemilihan, pentadbirannya dan/atau penyertaan dalam Sabatikal. Namun, tiada apa-apa dalam Terma Pemilihan ini yang mengehadkan atau mengecualikan liabiliti Pihak Yang Dilepaskan terhadap ganti rugi daripada kecederaan kepada kehidupan, badan atau kesihatan disebabkan oleh pelanggaran tugas yang berpunca daripada kecuaiannya mereka; pelanggaran tugas yang disengajakan atau berpunca daripada kecuaiannya wakil undang-undang atau orang yang digunakan untuk melaksanakan kewajipan Pihak Yang Dilepaskan; atau ganti rugi lain yang timbul daripada pelanggaran tugas yang disengajakan atau berpunca daripada kecuaiannya yang melampau oleh wakil undang-undang atau orang yang digunakan untuk melaksanakan kewajipan Pihak Yang Dilepaskan.

Data Peribadi

Untuk mengendalikan Pemilihan, Kami perlu mengumpul, menyemak dan menyimpan data peribadi anda (contoh. nama, butiran hubungan dan Permohonan) ("**Data Peribadi Pemilihan**"). Pemberian Data Peribadi Pemilihan adalah wajib. Jika anda gagal memberikan Data Peribadi Pemilihan, anda tidak akan dapat menyertai Pemilihan atau Sabatikal. Tujuan pemprosesan Data Peribadi Pemilihan adalah untuk membolehkan Kami melaksanakan kewajipan Kami di bawah Terma Pemilihan ini.



Kami mengawal Data Peribadi Pemilihan tetapi mungkin berkongsi Data Peribadi Pemilihan dengan pembekal pihak ketiga untuk tujuan Pemilihan dan pentadbiran Sabatikal.

Anda dengan ini mengiktiraf, menerima dan mengesahkan tujuan, sifat, tempoh dan setakat mana penggunaan data peribadi tersebut diperlukan untuk Kami mengendalikan Pemilihan, dan oleh itu merupakan syarat yang diperlukan untuk Pemilihan. Selain itu, anda mengakui bahawa, jika dipilih sebagai Calon Yang Ditemu Duga, Kami boleh melaksanakan, mengikut budi bicara mutlak kami, pemeriksaan latar belakang dan/atau pengesahan ke atas maklumat yang anda berikan untuk memastikan atau mengesahkan kelayakan anda untuk menyertai Pemilihan dan jika berkenaan, untuk mengambil bahagian dalam Sabatikal. Dalam sesetengah bidang kuasa, persetujuan bertulis anda mungkin diperlukan untuk memproses Data Peribadi anda. Dalam keadaan ini Kami akan meminta persetujuan sedemikian.

Kami akan memproses Data Peribadi Pemilihan sebagai pengawal untuk melaksanakan kewajipan Kami di bawah Terma Pemilihan ini (termasuk untuk tujuan pentadbiran Pemilihan, mengumpulkan senarai Calon Yang Ditemu Duga dan memilih Peserta dan Peserta Simpanan) dan, jika dibenarkan oleh undang-undang, untuk kepentingan sah Kami (contohnya, tujuan pemasaran dan promosi yang berkaitan dengan Sabatikal). Kami mungkin berkongsi Data Peribadi Pemilihan dengan pembekal pihak ketiga untuk tujuan Pemilihan dan pentadbiran Sabatikal.

Dalam sesetengah keadaan, Kami mungkin perlu meminta anda memberikan kepada Kami atau rakan kongsi kami data peribadi tambahan (contohnya untuk mendemonstrasikan kecergasan perubatan untuk aktiviti yang berkaitan). Dalam keadaan ini, Kami, atau rakan kongsi kami, akan meminta persetujuan anda untuk memproses data peribadi tersebut, dan jika perlu, untuk berkongsi data peribadi tersebut dengan pembekal pihak ketiga. Jika anda diminta untuk memberikan data peribadi tambahan sedemikian, data peribadi sensitif ini tidak akan dianggap sebagai Data Peribadi Pemilihan dan akan dikawal sepenuhnya oleh pihak ketiga, bukan oleh Airbnb, dan Airbnb tidak akan mempunyai sebarang akses kepadanya.

Untuk maklumat lanjut tentang cara Airbnb memproses Data Peribadi anda, tentang tempoh pengekalan data dan hak Peserta berkenaan Data Peribadi mereka, sila rujuk dasar privasi kami di https://www.airbnb.com/terms/privacy_policy.

Umum

Undang-undang dan Bidang Kuasa

- Jika anda tinggal di Amerika Syarikat, Terma Pemilihan ini akan ditafsirkan mengikut undang-undang Negeri California dan Amerika Syarikat, tanpa mengambil kira peruntukan konflik undang-undang. Prosiding kehakiman (selain tindakan tuntutan kecil) mesti dibawa ke mahkamah negeri atau persekutuan di San Francisco, California, melainkan Kami berdua bersetuju dengan lokasi lain. Anda dan Kami bersetuju dengan tempat dan bidang kuasa peribadi di San Francisco, California.

- Jika anda tinggal di China, Terma Pemilihan ini akan ditafsirkan mengikut undang-undang China ("**Undang-undang China**"). Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Timbang Tara Ekonomi dan Perdagangan Antarabangsa China (CIETAC) untuk timbang tara di Beijing yang akan dijalankan mengikut peraturan timbang tara CIETAC yang berkuatkuasa semasa memohon timbang tara, dengan syarat bahagian ini tidak akan ditafsirkan untuk mengehendakkan sebarang hak Airbnb untuk memohon kepada mana-mana mahkamah bidang kuasa yang kompeten untuk perintah yang memerlukan anda melaksanakan atau dilarang daripada melakukan tindakan tertentu dan relief sementara lain yang dibenarkan di bawah Undang-undang China atau mana-mana undang-undang lain yang mungkin terpakai kepada anda. Prosiding timbang tara hendaklah dijalankan dalam Bahasa Inggeris. Keputusan timbang tara yang dijalankan adalah muktamad dan mengikat kedua-dua pihak.
- Jika anda tinggal di luar Amerika Syarikat dan China, Terma Pemilihan ini akan ditafsirkan mengikut undang-undang Ireland. Penggunaan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Kontrak untuk Penjualan Barang-Barang Antarabangsa (CISG) dikecualikan. Pilihan undang-undang tidak memberi kesan kepada hak anda sebagai pengguna mengikut peraturan perlindungan pengguna dalam bidang kuasa anda. Jika anda bertindak sebagai pengguna, prosiding kehakiman yang anda boleh bawa terhadap Kami yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma Pemilihan ini hanya boleh dibawa ke mahkamah yang terletak di Ireland atau mahkamah yang kompeten di bidang kuasa anda. Jika Airbnb ingin menguatkuasakan sebarang haknya terhadap anda sebagai pengguna, Kami boleh berbuat demikian hanya di mahkamah yang kompeten di bidang kuasa anda.

Pembatalan, penggantungan, pengubahsuaian

Pemohon mengakui bahawa, tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan dan sebarang kelulusan yang mungkin diperlukan, Kami boleh membatalkan, menggantung, mengubah suai atau menamatkan Pemilihan jika Kami menganggapnya sebagai perlu atau sesuai atas sebab atau keadaan yang di luar kawalan kami yang munasabah. Alasan atau keadaan sedemikian termasuk tetapi tidak terhad kepada, kebakaran, ribut, banjir, gempa bumi, letupan, perang, pencerobohan, pemberontakan, sabotaj, wabak, pertikaian buruh, sebarang tindakan atau tindakan terancam yang membahayakan perjalanan udara dan sebarang tindakan, atau tinggalan (termasuk undang-undang, peraturan, ketidaksetujuan, atau kegagalan untuk meluluskan) mana-mana orang ketiga (termasuk subkontraktor, pelanggan, kerajaan atau agensi kerajaan). Selain itu, Pemohon mengetepikan dan melepaskan Pihak Yang Dilepaskan daripada sebarang dan semua tuntutan dan kausa tindakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang pembatalan, penggantungan, pengubahsuaian atau penamatan sedemikian, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan. Tiada pemindahan, bayaran balik,



penebusan tunai, penggantian, setara tunai, atau penggantian Sabatikal oleh mana-mana Pemohon atau Peserta dibenarkan.

Pemilihan tidak sah jika dilarang. Jika sebarang peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan Terma Pemilihan ini diputuskan oleh mahkamah bidang kuasa yang kompeten sebagai tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, pengubahsuaian terhadapnya dianggap boleh dilakukan setakat tahap minimum yang diperlukan untuk menjadikannya sah, tidak menyalahi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan. Jika pengubahsuaian sedemikian tidak boleh dilakukan, peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan berkaitan akan dianggap sebagai dihapuskan. Sebarang pengubahsuaian kepada atau penghapusan peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan di bawah klausa ini tidak akan menjejaskan kesahihan dan kebolehtuakuasaan Terma Pemilihan yang lain. Setakat tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Kami boleh menggantung, mengubah suai, atau menamatkan Pemilihan jika Kami percaya, mengikut budi bicara mutlak Kami, bahawa kerosakan, ralat, gangguan, atau kerosakan kini menjejaskan atau akan menjejaskan pentadbiran, keselamatan, keadilan, integriti, atau pengendalian Pemilihan yang betul, dan dalam keadaan ini Peserta akan dipilih daripada Permohonan yang diterimakan tidak terjejas oleh masalah tersebut, jika boleh, atau dengan cara yang dianggap adil dan sesuai oleh Kami.

Terma khusus negara

Jika Peserta penduduk Itali, harap maklum bahawa Pemilihan ini bukan pertandingan di bawah peruntukan D.P.R. Itali 430/2001. Peserta dipilih berdasarkan kebolehan peribadi mereka untuk Sabatikal dan oleh itu pengecualian yang diterangkan di bawah Perkara 6, par. 1, surat a) daripada perintah yang dinyatakan di atas akan terpakai.

Jika Peserta penduduk Sweden, mereka mesti memberikan nombor keselamatan sosial mereka atas permintaan untuk membolehkan Kami memaklumkan Pihak Berkuasa Cukai Sweden.

Jika Peserta penduduk Argentina, harap maklum bahawa Pemilihan ini mematuhi peraturan kesetiaan komersial (*Ley de Lealtad Comercial N° 22802* dan *Decreto Reglamentario 1153/07*) dan perlindungan data peribadi (*Ley de Protección de los Datos Personales N° 25326*) dan peraturan lain yang selaras dan berkaitan. Ini bukan pertandingan, dan memandangkan tidak ada campur tangan yang boleh memberi kesan kepada peluang dalam Pemilihan, pengiraan kebarangkalian kemungkinan Peserta dipilih tidak diperlukan. Kebarangkalian untuk dipilih akan bergantung kepada kualiti setiap kisah yang dihantar, mengikut kriteria yang diterangkan. Peserta Argentina dengan ini bersetuju secara nyata dengan terma dasar privasi di www.airbnb.com/terms/privacy_policy.

Jika Peserta penduduk Kanada, mereka akan dikehendaki menjawab soalan pengujian kemahiran matematik dalam masa terhad dengan betul sebelum



ditawarkan tempat dalam Sabatikal. Kegagalan menjawab soalan ujian kemahiran dengan betul akan mengakibatkan Peserta dianggap tidak layak untuk Sabatikal.
